

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	13 NOVEMBER 2016

# Sedia sertai pakatan

Sinar Harian - 13/11/2016

**SHAH ALAM** - Pengerusi Bersatu, Tun Dr Mahathir Mohamad mengesahkan hasrat parti itu menjadi sebahagian daripada parti komponen Pakatan Harapan.

Menurutnya, tidak ada sebab Bersatu tidak bersetuju dengan perjuangan Pakatan Harapan memandangkan ia berpegang kepada dasar-dasar yang termaktub di dalam Perlembagaan Negara.

"Saya tidak ada masalah untuk menyokong reformasi.

"Bersatu akan menjadi sebahagian daripada Pakatan Harapan dan saya berharap akan diterima untuk bersama-sama menjatuhkan kepimpinan (Perdana Menteri) Datuk Seri Najib Tun Razak," katanya ketika berucap pada Konvensyen Pakatan Harapan, di sini, semalam.

Menurutnya, demi menjatuhkan kepimpinan klaptokrasi, parti-parti Pakatan Rakyat perlu mengetepikan perbezaan pendapat dan bersatu di bawah satu jenama yang kuat.

"Kalau kita nak kalahkan BN, satu cara sahaja iaitu dengan bersatu. Kita daftar seolah-olah satu parti, kita guna satu simbol dan satu calon.

"Tak kira DAP, Amanah atau PKR, asalkan itu calon kita. Dalam pilihan raya, kita



Dari kanan: Mahathir dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali; Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Penasihat DAP, Lim Kit Siang serta Presiden Amanah, Mohamad Sabu.

## Belum masanya namakan calon Perdana Menteri

**USAHA** menawan Putrajaya menjadi fokus dan keutamaan sebelum penamaan calon perdana menteri dalam kalangan pemimpin Pakatan Harapan dilakukan.

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, penyatuan semua parti dalam Pakatan Harapan lebih penting untuk menentukan kemenangan pada PRU14.

"Belum masanya. Tumpuan kita sekarang

ini menyatukan semua parti pembangkang dalam Pakatan Harapan.

"Kita perlu tawan Putrajaya dahulu dan selepas itu kita boleh namakan sesiapa sahaja yang layak untuk jadi perdana menteri," katanya pada sidang media, semalam.

Tambahnya, calon perdana menteri mestilah datang daripada parti yang memenangi kerusi terbanyak pada PRU14.

hilangkan identiti parti dan dengan itu kita akan dapat kemenangan," katanya.

Beliau memberitahu, perselisihan faham di antara parti Pakatan Harapan perlu diketepikan kerana ia hanyalah perkara kecil jika dibandingkan dengan perjuangan

menjatuhkan kepimpinan perdana menteri.

"Ada yang kata tak boleh terlibat dalam Pakatan Harapan sebab ada DAP.

"Saya dulu paling anti DAP, tapi itu terlalu kecil berbanding usaha jatuhkan Najib.

"Saya berpendapat, sesiapa

yang timbulkan masalah dalam pembangkang ini adalah penyokong Najib.

"Mereka boleh dakwa berjuang untuk Melayu tetapi dia sebenarnya sokong Najib dan berkemungkinan besar mereka terima dedak," katanya.